

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HIS 301 - Sumber dan Prinsip Perundangan Islam

Tarikh: 5 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.
(3 jam)

Jawab TIGA (3) soalan.

1. Hukum taklifi dalam Islam terbahagi kepada lima bahagian iaitu: wajib, sunat, harus, haram dan makruh.
 - (a) Sebutkan takrif atau pengertian tiap-tiap hukum tersebut beserta contohnya sekali kemudian nyatakan kesan hukum bagi perbuatan mukalaf yang berkaitan dengan hukum taklifi dalam setiap contoh yang anda kemukakan.
 - (b) Beri maksud azimah dan rukhsah di dalam konteks ibadat dan hubungan kehidupan kemudian terangkan maksud bagi perkara-perkara di bawah di dalam konteks penunaian sesuatu kewajipan yang dituntut oleh syara dan sertakan contoh-contohnya sekali bagi menerangkan apa yang anda maksudkan:

Taa'jil - Ada - Qada - I'adah
2.
 - (a) Bagaimana cara untuk mengenal sesuatu perkara itu hukumnya harus (mubah, dibenarkan).
 - (b) Beri contoh-contoh bagi menerangkan wajib-wajib seperti berikut dan bincangkan maksud syara mengenai wajib-wajib itu:
 - i. wajib Mukhaiyar
 - ii. wajib Muhaddad
 - iii. wajib Aini
 - (c) Nyatakan jenis wajib yang terdapat dalam hukum syara' berhubung dengan penunaian kewajipan bagi sesuatu perkhidmatan khusus yang telah diikat janji.

.../2

3. (a) Nyatakan syarat-syarat bagi seseorang yang boleh berijtihad untuk mencari hukum bagi masalah-masalah semasa yang tidak jelas hukumnya.
- (b) Dalam memperkatakan tentang Al-Quran dan Al-Hadith sebagai sumber hukum adalah wajib bagi seseorang yang ingin memahami sesuatu hukum atau maksud dari potongan ayat Al-Quran atau hadith Rasulullah (s.a.w.), mengetahui gaya bahasa Al-Quran dan Al-Hadith. Dalam konteks ini anda dikehendaki menerangkan gaya bahasa bagi fakta-fakta di bawah seperti yang terdapat dalam kajian perundangan Islam, kemudian huraikan maksud dan hukum yang dikehendaki di dalam setiap contoh ayat dan hadith yang disebutkan itu.
- i. Firman Allah (al-Kahfi:46) yang bermaksud: "Harta dan anak-anak merupakan perhiasan hidup di dunia".
 - ii. Firman Allah (ad-Duha:11) yang bermaksud: "adapun nikmat Tuhanmu hendaklah dilakukan atau diperkatakan".
 - iii. Maksud hadith Rasulullah (s.a.w.): "Syurga di bawah tapak kaki ibu".
 - iv. Maksud hadith Rasulullah (s.a.w.): "...wanita-wanita diibaratkan seperti tulang rusuk yang bengkok dan rapuh..."
 - v. Maksud firman Allah (al-Baqarah:195): "Berbuat baiklah kamu, sesungguhnya Allah menyukai orang yang melakukan kebaikan".
4. Sebutkan rukun-rukun Qias dan syarat-syaratnya dan nyatakan perkara-perkara yang boleh diqias dan perkara-perkara sebaliknya beserta contoh-contoh bagi menerangkan apa yang anda katakan.
5. Antara prinsip perundangan Islam ialah: mengelak kekacauan dan mengurang bebanan. Berdasarkan kepada firman Allah (al-Haj:78) yang bermaksud: "Allah tidak menjadikan ke atas kamu melalui Islam perkara-perkara yang membawa kekacauan dan kesempitan", dan firmanNya (al-Baqarah:286) yang bermaksud: "Allah tidak membebankan diri seseorang dengan perkara-perkara yang luar dari kemampuannya dalam menunai sesuatu perkara kebaikan yang dituntut".
- (a) Huraikan maksud prinsip mengelak kekacauan dan mengurang bebanan seperti yang dikehendaki dalam kedua-dua ayat di atas.

- (b) Berdasar kepada prinsip-prinsip tersebut, bincangkan hukum bagi perkara-perkara di bawah:
- i. Munir membayar fidyah puasa Ramadan kerana ia diserang penyakit yang berbahaya jika dibiarkan perutnya kelaparan.
 - ii. Abdul Majid tidak bersembahyang kerana terlalu sejuk untuk mengambil wuduk.
 - iii. Mak Minah menjual semua harta bendanya kerana menunaikan fardu haji di Makkah.
 - iv. Wardah tidak menghantar tugas wajib bagi kursus yang diambil dengan alasan ia sebuk dengan beban pembelajaran di kuliah dan tidak ada masa untuk membuatnya.
 - v. Pak Sukun mengamuk di dalam keadaan waras dan ia sebuk mengajak orang menyokong perjuangannya bertujuan untuk menyedari orang ramai agar mereka lebih cenderung kepada kebaikan.

-ooo000ooo-